



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERIPADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA
HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 30
No. 9

1hb Mei 1986

TAMBAHAN No.25
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 149.

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN
SINARAN (PERLESENAN) 1986

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II PENGELASAN LESEN

3. Pengelasan lesen.
4. Lesen Kelas A.
5. Lesen Kelas B.
6. Lesen Kelas C.
7. Lesen Kelas D.
8. Lesen Kelas E.
9. Lesen Kelas F.
10. Lesen Kelas G.
11. Lesen Kelas H.

BAHAGIAN III SYARAT-SYARAT AM BAGI MENDAPATKAN LESEN

12. Syarat-syarat am.

BAHAGIAN IV
PERMOHONAN BAGI, PINDAAN DAN
PEMBAHARUAN LESEN

Peraturan

13. Permohonan bagi lesen.
14. Pindaan atau pembaharuan lesen.
15. Fee permohonan dan fee lesen.
16. Penepian fee.
17. Daftar pemegang lesen.
18. Bentuk lesen.

BAHAGIAN V

MAKLUMAT

*Bab 1 – Maklumat yang dikehendaki bagi Lesen-lesen
Kelas F*

19. Maklumat yang dikehendaki bagi lesen penempatan tapak.
20. Maklumat yang dikehendaki bagi lesen pembinaan.
21. Maklumat yang dikehendaki bagi peringkat pengendalian sementara.
22. Maklumat yang dikehendaki bagi peringkat pengendalian penuh.

*Bab 2- Maklumat yang dikehendaki bagi Lesen-lesen
Kelas A atau Kelas B mengenai Pengilangan Bahan-
bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan
Bahan-bahan Radioaktif atau Bahan-bahan Nuklear
atau mengenai Kemudahan Rawatan Sisa.*

23. Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan pemasangan pengilangan.
24. Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan kemudahan rawatan sisa.

Bab 3 – Am

25. Maklumat tambahan.
26. Pelan dan lukisan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

27. Borang pemberitahuan.
28. Bentuk Penyata.
29. Bentuk daftar.

BAHAGIAN VII

PEMBATALAN

30. Pembatalan.

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN SINARAN
(PERLESENAN) 1986

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 68 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Akta 304.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986**.

Nama dan mula berkuatkuasa.

(2) Peraturan-peraturan ini, kecuali peraturan 12, 13, 14, 17, keseluruhan Bahagian V dan keseluruhan Bahagian VI, hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1985.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

Tafsiran.

“daftar” ertinya suatu buku atau fail yang disimpan oleh pihak berkuasa berkenaan yang di dalamnya semua butir pemegang-pemegang lesen direkodkan;

“fee lesen” ertinya suatu fee yang dikenakan atas seseorang pemohon apabila dia diberitahu oleh pihak berkuasa berkenaan bahawa permohonannya untuk mendapatkan, meminda atau membaharui sesuatu lesen berjaya;

“fee permohonan” ertinya suatu fee pentadbiran yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan apabila dikemukakan sesuatu permohonan untuk mendapatkan, meminda atau membaharui sesuatu lesen;

“kemudahan rawatan sisa” ertinya sesuatu kemudahan yang digunakan untuk memproses, merawat atau menstor, sebelum pelupusan, sisa bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan;

“lesen pembinaan” ertinya lesen untuk memulakan kerja membina sesuatu pemasangan nuklear;

“lesen penempatan tapak” ertinya lesen untuk menempatkan tapak sesuatu pemasangan nuklear;

“pekerja” ertinya seseorang yang bekerja di bawah arahan pemegang lesen, sama ada digaji olehnya ataupun tidak, dalam pengendalian atau penggunaan, atau dalam apa-apa aktiviti yang akan menyebabkan bersentuhan dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran;

“pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan” ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk bertanggungjawab bagi pengawasan perubatan pekerja-pekerja;

“pengilangan” ertinya apa-apa aktiviti yang terlibat dalam pemekatan dan penceriaan apa-apa bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan;

“pepasangan pengilangan” ertinya sesuatu pemasangan yang dibina untuk menjalankan usaha pengilangan;

“peringkat pengendalian penuh” ertinya peringkat apabila pengendalian penuh sesuatu pemasangan nuklear, pemasangan pengilangan atau kemudahan rawatan sisa dibenarkan;

“peringkat pengendalian sementara” ertinya peringkat apabila pengendalian terhadap sesuatu pemasangan nuklear, pemasangan pengilangan atau kemudahan rawatan sisa dibenarkan bagi maksud mengesahkan ciri-ciri pengendalian normal yang dijangka bagi pemasangan atau kemudahan itu yang diramalkan oleh maklumat rekabentuknya;

“pindaan” sesuatu lesen ertinya pindaan mana-mana butir yang terkandung dalam sesuatu lesen, tetapi tidak meliputi sesuatu pindaan yang dikira sebagai pemindahan lesen itu;

“punca terkedap” ertinya suatu punca sinaran yang terdiri daripada bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan yang disatukan dengan kukuh dalam bahan yang pejal dan benar-benar tak aktif, atau dikedapkan dalam suatu bekas tak aktif yang mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk mencegah, dalam keadaan-keadaan penggunaan normal, apa-apa penyerakan isi kandungannya;

“radas penyinaran” ertinya radas yang boleh mengeluarkan sinaran mengion tetapi tidak termasuk radas punca terkedap;

“radas punca terkedap” ertinya apa-apa radas yang mengandungi atau menggunakan satu atau lebih punca terkedap;

“surat hasrat” ertinya surat yang ditulis kepada Lembaga memberitahunya tentang hasrat untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan sesuatu pemasangan nuklear, pemasangan pengilangan atau kemudahan rawatan sisa.

BAHAGIAN II

PENGELASAN LESEN

Pengelasan lesen.

3. Lesen-lesen hendaklah dikelaskan ke dalam kelas-kelas yang berikut:

(a) Kelas A;

(b) Kelas B;

- (c) Kelas C;
- (d) Kelas D;
- (e) Kelas E;
- (f) Kelas F;
- (g) Kelas G; dan
- (h) Kelas H.

4. (1) Lesen Kelas A adalah suatu lesen untuk mengilang, memperdagangkan, mengeluarkan, memproses, membeli, mempunyai, memiliki, menggunakan, memindahkan, mengendalikan, menjual atau menstor bahan radioaktif.

Lesen Kelas A.

(2) Bagi maksud-maksud Peraturan-Peraturan ini, bahan-bahan radioaktif hendaklah dibahagikan ke dalam dua jenis, iaitu, punca terkedap dan punca tak terkedap, yang kemudiannya pula hendaklah dibahagikan ke dalam empat kategori sebagaimana yang ditunjukkan masing-masing dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

(3) Lesen Kelas A mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan radioaktif atau mengenai sesuatu kemudahan radioaktif hendaklah dalam tiga bahagian, iaitu-

- (a) bahagian penempatan tapak;
- (b) bahagian pembinaan; dan
- (c) bahagian pengendalian.

(4) Bahagian pengendalian lesen Kelas A mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan radioaktif atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa bagi bahan-bahan radioaktif hendaklah dikeluarkan dalam dua peringkat, iaitu-

- (a) peringkat pengendalian sementara; dan
- (b) peringkat pengendalian penuh.

5. (1) Lesen Kelas B adalah suatu lesen untuk mengilang, memperdagangkan, mengeluarkan, memproses, membeli, mempunyai, memiliki, menggunakan, memindahkan, mengendalikan, menjual atau menstor bahan nuklear.

Lesen Kelas B.

(2) Lesen Kelas B mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa bagi bahan-bahan nuklear hendaklah dalam tiga bahagian, iaitu-

- (a) bahagian penempatan tapak;
- (b) bahagian pembinaan; dan
- (c) bahagian pengendalian.

- (3) Bahagian pengendalian lesen Kelas B mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa bagi bahan-bahan nuklear hendaklah dikeluarkan dalam dua peringkat, iaitu-
- (a) peringkat pengendalian sementara; dan
 - (b) peringkat pengendalian penuh.
- Lesen Kelas C.
6. (1) Lesen Kelas C adalah suatu lesen untuk mengilang, memperdagangkan, mengeluarkan, memproses, membeli, mempunyai, memiliki, menggunakan, memindahkan mengendalikan, menjual atau menstor radas penyinaran.
- (2) Bagi maksud-maksud Peraturan-peraturan ini, radas penyinaran hendaklah dibahagikan ke dalam tiga kategori sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual Ketiga.
- Lesen Kelas D.
7. Lesen Kelas D adalah suatu lesen untuk mengangkut bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan atau sisa-sisanya.
- Lesen Kelas E.
8. Lesen Kelas E adalah lesen untuk mengeksport atau mengimport bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan, radas penyinaran atau sisa-sisanya.
- Lesen Kelas F.
9. (1) Lesen Kelas F adalah suatu lesen untuk menempatkan tapak, membina atau mengendalikan sesuatu pemasangan nuklear.
- (2) Sesuatu lesen di bawah Kelas F bagi mengendalikan sesuatu pemasangan nuklear hendaklah dikeluarkan dalam dua peringkat, iaitu-
- (a) peringkat pengendalian sementara; dan
 - (b) peringkat pengendalian penuh.
- Lesen Kelas G.
10. Lesen Kelas G adalah suatu lesen-
- (a) untuk melupuskan bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan atau sisa-sisanya;
 - (b) untuk menstor bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan atau sisa-sisanya sebelum pelupusannya; atau
 - (c) untuk membubarkan sesuatu pemasangan pengilangan, pemasangan nuklear, kemudahan rawatan sisa, radas penyinaran atau radas punca terkedap.
- Lesen Kelas H.
11. Lesen Kelas H adalah suatu lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak diliputi oleh Kelas-kelas A hingga G, termasuk kedua-dua Kelas itu.

BAHAGIAN III

SYARAT-SYARAT AM BAGI MENDAPATKAN LESEN

12. Syarat-syarat am bagi mendapatkan sesuatu lesen adalah seperti yang berikut:

Syarat-syarat am.

- (a) pemohon hendaklah menggaji atau mengguna khidmat selainnya orang atau orang-orang yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan latihan yang perlu untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang hendak dilesen itu dijalankan mengikut cara yang melindungi kesihatan pekerja-pekerja dan orang-orang awam dan mengurangkan bahaya kepada nyawa, harta dan alam sekitarnya; dan
- (b) cadangan kelengkapan, kemudahan-kemudahan dan prosedur-prosedur pemohon hendaklah mencukupi untuk melindungi kesihatan pekerja-pekerja dan orang-orang awam dan untuk mengurangkan bahaya kepada nyawa, harta dan alam sekitar.

BAHAGIAN IV

PERMOHONAN BAGI, PINDAAN DAN PEMBAHARUAN LESEN

13. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), sesiapa yang bermaksud hendak mendapatkan lesen yang dikelaskan di bawah Kelas A atau Kelas B (selain daripada lesen mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa), atau di bawah Kelas C, Kelas D, Kelas E atau Kelas G, hendaklah memenuhi, menandatangani dan mengembalikan borang permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, bersama dengan fee permohonan, kepada Lembaga.

Permohonan bagi lesen.

(2) Sesiapa yang bermaksud hendak mendapatkan lesen yang dikelaskan di bawah-

- (a) Kelas A atau Kelas B mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa; atau
- (b) Kelas F,

hendaklah menulis surat hasrat kepada Lembaga yang hendaklah memberikan arahan yang perlu.

(3) Orang yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah membenarkan seorang wakil pihak berkuasa berkenaan hadir sebagai pemerhati di mesyuarat-mesyuarat yang membincangkan perkara-perkara yang berhubungan dengan surat hasrat itu.

(4) Sesiapa yang bermaksud hendak memohon lesen yang dikelaskan di bawah Kelas H hendaklah menulis kepada Lembaga dengan memberikan butir-butir aktiviti yang hendak dijalankan dan hendaklah memberikan semua maklumat yang dikehendaki oleh pihak berkuasa berkenaan.

Pindaan atau pembaharuan lesen.

14. (1) Seseorang pemegang lesen yang bermaksud hendak meminda atau membaharui lesen yang dikelaskan di bawah Kelas A atau Kelas B (selain daripada lesen mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa), atau di bawah Kelas C, Kelas D, Kelas E atau Kelas G, hendaklah memenuhkan, menandatangani dan mengembalikan borang permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, bersama dengan fee permohonan, kepada pihak berkuasa berkenaan.

(2) Walau apapun subperaturan (1), sesiapa yang bermaksud hendak meminda apa-apa butir lesen sedemikian selain daripada butir-butir berkaitan dengan-

(a) kelas lesen; atau

(b) butir-butir mengenai radas, bahan atau pemasangan,

hendaklah menulis surat kepada pihak berkuasa berkenaan.

(3) Seseorang pemegang lesen yang bermaksud hendak meminda atau membaharui lesen yang dikelaskan di bawah-

(a) Kelas A atau Kelas B mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa;

(b) Kelas F; atau

(c) Kelas H,

hendaklah menulis surat kepada pihak berkuasa berkenaan.

Fee permohonan dan fee lesen.

15. (1) Fee permohonan bagi semua kelas lesen kecuali-

(a) Kelas A dan Kelas B mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa;

(b) Kelas F; dan

(c) Kelas H,

adalah lima belas ringgit bagi setiap permohonan, pindaan atau pembaharuan dan tidak boleh dibayar balik.

(2) Tiada fee permohonan bagi lesen yang dikeluarkan di bawah-

- (a) Kelas A dan Kelas B mengenai pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa;
- (b) Kelas F; dan
- (c) Kelas H.

(3) Fee lesen bagi semua lesen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

16. Pihak berkuasa berkenaan hendaklah mengetepikan fee permohonan dan fee lesen berkenaan dengan-

Penepian fee.

- (a) pemindahan bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan atau radas penyinaran bagi maksud khairat atau yang tak mencari keuntungan;
- (b) pindaan yang tidak berkaitan dengan-
 - (i) kelas lesen; atau
 - (ii) butir-butir mengenai radas, bahan atau pemasangan.

17. Pihak berkuasa berkenaan hendaklah merekodkan butir-butir semua pemohon yang berjaya dalam suatu daftar sebelum lesen-lesen dikeluarkan.

Daftar pemegang lesen.

18. Lesen-lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

Bentuk lesen.

BAHAGIAN V

MAKLUMAT

Bab 1 – Maklumat yang Dikehendaki bagi Lesen-lesen Kelas F

19. Sesuatu permohonan bagi lesen penempatan tapak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

Maklumat yang dikehendaki bagi lesen penempatan tapak.

- (a) perihal pemasangan dan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan;
- (b) ciri-ciri fizikal tapak, iaitu, kajibumi, kajihidro, kajicuaca dan kajigempa, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan biota akuatik;
- (c) taburan penduduk di sekitar tapak, termasuk aliran masa depan pertumbuhan penduduk dan jarak pusat-pusat penduduk dari tapak;
- (d) penggunaan tanah pada masa sekarang di tapak dan di sekitar tapak;

- (e) penilaian kesan kepada alam sekitar daripada pengendalian normal pemasangan yang dicadangkan termasuk analisa awal bahaya sinaran yang dijangka;
- (f) program bagi pengawasan alam sekitar sebelum pengendalian;
- (g) perihal kemudahan-kemudahan penstoran bagi bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear di tapak; dan
- (h) perihal rancangan pembubaran, asasnya dan rancangan bagi pengawasan selepas pengendalian.

Maklumat yang dikehendaki bagi lesen pembinaan.

20. (1) Sesuatu permohonan bagi lesen pembinaan hendaklah mengandungi semua maklumat yang dikehendaki di bawah peraturan 19, dan hendaklah juga mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) susunatur am dan pelan dan rekabentuk terperinci kemudahan itu, termasuk rekabentuk keselamatannya yang dirancangkan;
- (b) perihal bahaya-bahaya sinaran dan kimia yang dijangka kepada pekerja-pekerja dan orang-orang awam semasa pengendalian normal pemasangan yang dicadangkan, dengan mengambilkira ciri-ciri kimia dan fizikal dan kandungan-kandungan radioaktif yang telah diduga bagi semua efluen yang akan dilepaskan dan segala pancaran dari kemudahan itu; dan
- (c) pernyataan mengenai kemalangan yang mungkin berlaku dan pelepasan bahan-bahan berbahaya dan sisa-sisa yang tak dirancangkan dari kemudahan yang mungkin berlaku.

(2) Pernyataan yang disebut dalam perenggan (c) subperaturan

(1) hendaklah mengandungi-

- (a) pernyataan keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan kemalangan dan berlakunya pelepasan sisa-sisa dan bahan-bahan berbahaya yang tak dirancangkan;
- (b) pernyataan mengenai kesan barangkali kemalangan-kemalangan dan pelepasan-pelepasan itu kepada kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja dan orang-orang awam dan kepada alam sekitar;
- (c) pernyataan mengenai program bagi pemeriksaan dan penyenggaraan yang dicadangkan untuk mencegah berlakunya kemalangan-kemalangan dan pelepasan-pelepasan itu; dan
- (d) pernyataan mengenai program bersiap sedia dan rancangan kecemasan serta langkah-langkah perniagaan untuk mengatasi kemalangan-kemalangan dan pelepasan-pelepasan itu.

21. Sesuatu permohonan bagi peringkat pengendalian sementara lesen untuk mengendalikan sesuatu pemasangan nuklear hendaklah mengandungi semua maklumat yang dikehendaki di bawah peraturan-peraturan 19 dan 20, dan hendaklah juga mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) apa-apa pertukaran, pada bahan yang digunakan atau pada rekabentuk, yang dibuat semasa pemasangan itu dibina;
- (b) perihal langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengawal dedahan sinaran, termasuk program pengawasan sinaran semasa pengendalian yang direkabentuk bagi pekerja-pekerja, orang-orang awam dan alam sekitar, bersama dengan senarai lengkap perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan penyokong;
- (c) program pengawasan perubahan yang terperinci;
- (d) program bagi latihan awal dan berkala untuk pekerja pekerja mengenai keselamatan am dan perlindungan sinaran;
- (e) kemudahan-kemudahan dan kelengkapan yang direkabentuk untuk membendung pertumpahan dan prosedur-prosedur yang akan diikuti dalam mengendalikan pertumpahan bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan;
- (f) rancangan dan prosedur yang dicadangkan untuk mencegah kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan;
- (g) rancangan bagi pengawasan semasa pengendalian terhadap mutu dan kuantiti efluen yang akan dilepaskan dan segala pancaran dari kemudahan, termasuk-
 - (i) kekerapan dan tempat-tempat pengambilan contoh;
 - (ii) jenis-jenis kelengkapan dan kaedah-kaedah analisa yang akan digunakan;
 - (iii) rancangan luar jangka sekiranya terdapat keputusan-keputusan abnormal; dan
- (h) perihal prosedur-prosedur yang dicadangkan untuk mencegah kemalangan-kemalangan dan rancangan luar jangka yang dicadangkan sekiranya berlaku kemalangan.

Maklumat yang dikehendaki bagi peringkat pengendalian sementara.

22. Sesuatu permohonan bagi peringkat pengendalian penuh lesen untuk mengendalikan suatu pemasangan nuklear hendaklah mengandungi suatu Laporan Analisa Keselamatan yang hendaklah mengandungi-

- (a) semua maklumat sah yang dikemukakan bagi peringkat pengendalian sementara; dan

Maklumat yang dikehendaki bagi peringkat pengendalian penuh.

- (b) semua maklumat baru dan semua pertukaran kepada pelan, rekabentuk dan pengendalian yang dibuat berikutan dengan pengendalian sebenar di peringkat pengendalian sementara, jika ada.

Bab 2-Maklumat yang Dikehendaki bagi Lesen-lesen Kelas A atau Kelas B mengenai Pengilangan Bahan-bahan yang Mengandungi atau yang Berkaitan dengan Bahan-bahan Radioaktif atau Bahan-bahan Nuklear atau mengenai Kemudahan Rawatan Sisa

Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan pemasangan pengilangan.

23. (1) Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan suatu pemasangan pengilangan hendaklah mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Bab 1, dan hendaklah juga mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) lembaran aliran terperinci, termasuk penghitungan input dan output bahan-bahan danimbangan air serta perihal sistem sam, termasuk keupayaannya, jika ada;
 - (b) sistem mengawal habuk yang dicadangkan;
 - (c) perihal langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengawal saliran tapak kilang;
 - (d) maklumat mengenai gred dan kuantiti bahan-bahan yang akan diproses dan, jika bahan-bahan itu akan diimport, kuantiti bulanan atau tahunan purata yang akan diimport;
 - (e) program bersiap sedia kecemasan dan langkah-langkah peringanan untuk mengatasi pelepasan-pelepasan tak sengaja, termasuk pengawasan kecemasan dan pemindahan tahi lombong yang dilepaskan;
 - (f) pelan kejuruteraan terperinci mengenai lencongan air, kemudahan-kemudahan memproses dan rancangan pengawasan terperinci serta langkah-langkah luar jangka bagi peringkat pembinaan kemudahan itu; dan
 - (g) kuantiti yang diduga bagi tahi lombong atau bahan batu buangan yang akan digunakan bagi mengambus di kemudahan itu.
- (2) Sesuatu permohonan bagi peringkat pengendalian sementara bahagian pengendalian hendaklah, sebagai tambahan kepada maklumat yang disebut dalam subperaturan (1), mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) keupayaan harian dan tahunan nominal bagi kilang itu, pemerolehan kembali yang diduga, dan kandungan bahan bekal kilang, pati dan tahi lombong;
 - (b) prosedur-prosedur bagi mengendalikan dan menstor bahan-bahan yang mengandungi bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan; dan
 - (c) rancangan dan program bagi penstabilan tahi lombong dan pemulihan kawasan-kawasan tahi lombong.

24. Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan suatu kemudahan rawatan sisa hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) lembaran aliran terperinci, termasuk penghitungan input dan output bahan-bahan dan imbalan air;
- (b) semua binaan dan kelengkapan yang direkabentuk untuk mengawal mutu dan kuantiti semua efluen yang akan dilepaskan dan segala pancaran dari kemudahan; dan
- (c) pernyataan mengenai kawalan banjir dan kaedah mengawal arus air di jalan-jalan air yang sedia ada, jika ada.

Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan untuk menempatkan tapak, membina dan mengendalikan kemudahan rawatan sisa.

Bab 3 – Am

25. Pihak berkuasa berkenaan boleh, pada bila-bila masa sepanjang pembinaan dan pembangunan kemudahan itu, secara bertulis, menghendaki pemohon memberikan maklumat yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa berkenaan itu untuk menilai kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja dan orang-orang awam, keselamatan negara, dan aspek-aspek alam sekitar pembangunan dan pengendalian masa hadapan kemudahan itu.

Maklumat tambahan.

26. Sebelum mana-mana bahagian kemudahan itu dibina dan dibangunkan, semua pelan dan lukisan utama hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan bagi kelulusan, dan pelan-pelan, lukisan-lukisan dan bahan-bahan yang diluluskan tidak boleh ditukar semasa kemudahan itu dibina dan dibangunkan melainkan jika kelulusan pihak berkuasa berkenaan telah didapati terlebih dahulu.

Pelan dan lukisan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

27. Borang yang akan digunakan bagi memberitahu pihak berkuasa berkenaan di bawah seksyen 25 (4) Akta hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh.

Borang pemberitahuan.

28. Penyata-penyata penjualan atau pemilikan bahan-bahan radioaktif, bahan-bahan nuklear, benda-benda ditetapkan, radas penyinaran atau radas punca terkedap hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Kelapan.

Bentuk penyata.

29. Daftar di bawah peraturan 17 hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Kesembilan.

Bentuk daftar.

BAHAGIAN VII

PEMBATALAN

30. Kaedah-kaedah Benda-benda Radioaktif (Bayaran) 1975 dibatalkan.

Pembatalan.
P.U. (A) 297/75

JADUAL PERTAMA

KATEGORI PUNCA TERKEDAP
(Peraturan 4)

Kategori A	Jenis Punca Terkedap B
1	Sebarang punca terkedap dengan aktiviti tidak melebihi 40 Megabecquerel.
2	Tolak sinaran dan punca-punca terkedap lain yang tidak disenaraikan dalam jadual ini.
3	Punca terapi perubatan dengan aktiviti tidak melebihi 400 Gigabecquerel, punca radiografi industri, punca radioterapi veterinar, punca pengelogan lubang gerek.
4	Punca terapi perubatan dengan aktiviti melebihi 400 Gigabecquerel, sel penyinaran untuk tujuan sterilisasi, sel penyinaran penyelidikan.

JADUAL KEDUA

KATEGORI PUNCA TAK TERKEDAP
(Peraturan 4)

Kategori A	Jenis Punca Tak Terkedap B
1 (Keradiotoksidan rendah)	Radionuklid dalam kategori ini adalah seperti berikut: $^3\text{H}_1$ $^{15}\text{O}_8$ $^{37}\text{Ar}_{18}$ $^{51}\text{Mn}_{25}$ $^{52\text{m}}\text{Mn}_{25}$ $^{53}\text{Mn}_{25}$ $^{56}\text{Mn}_{25}$ $^{58\text{m}}\text{Co}_{27}$ $^{60\text{m}}\text{Co}_{27}$ $^{61}\text{Co}_{27}$ $^{62\text{m}}\text{Co}_{27}$ $^{59}\text{Ni}_{28}$ $^{69}\text{Zn}_{30}$ $^{71}\text{Ge}_{32}$ $^{76}\text{Kr}_{36}$ $^{79}\text{Kr}_{36}$ $^{81}\text{Kr}_{36}$ $^{83\text{m}}\text{Kr}_{36}$ $^{85\text{m}}\text{Kr}_{36}$ $^{85}\text{Kr}_{36}$ $^{80}\text{Sr}_{38}$ $^{81}\text{Sr}_{38}$ $^{85\text{m}}\text{Sr}_{38}$ $^{87\text{m}}\text{Sr}_{38}$ $^{91\text{m}}\text{Y}_{39}$ $^{88}\text{Nb}_{41}$ $^{89(66\text{m})}\text{*Nb}_{41}$ $^{89(122\text{m})}\text{*Nb}_{41}$ $^{97}\text{Nb}_{41}$ $^{98}\text{Nb}_{41}$ $^{93\text{m}}\text{Mo}_{42}$ $^{101}\text{Mo}_{42}$ $^{96\text{m}}\text{Tc}_{43}$ $^{99\text{m}}\text{Tc}_{43}$ $^{103\text{m}}\text{Rh}_{45}$ $^{113\text{m}}\text{In}_{49}$ $^{116}\text{Te}_{52}$ $^{123}\text{Te}_{52}$

* merujuk kepada separuh hayat radionuklid.

Kategori A	Jenis Punca Tak Terkedap B				
	$^{127}\text{Te}_{52}$	$^{129}\text{Te}_{52}$	$^{133}\text{Te}_{52}$	$^{120\text{m}}\text{I}_{53}$	$^{121}\text{I}_{53}$
	$^{128}\text{I}_{53}$	$^{129}\text{I}_{53}$	$^{134}\text{I}_{53}$	$^{131\text{m}}\text{Xe}_{54}$	$^{133}\text{Xe}_{54}$
	$^{125}\text{Cs}_{55}$	$^{127}\text{Cs}_{55}$	$^{129}\text{Cs}_{55}$	$^{130}\text{Cs}_{55}$	$^{131}\text{Cs}_{55}$
	$^{134\text{m}}\text{Cs}_{55}$	$^{135}\text{Cs}_{55}$	$^{135\text{m}}\text{Cs}_{55}$	$^{138}\text{Cs}_{55}$	$^{137}\text{Ce}_{58}$
	$^{191\text{m}}\text{Os}_{76}$	$^{193\text{m}}\text{Pt}_{78}$	$^{197\text{m}}\text{Pt}_{78}$	$^{203}\text{Po}_{84}$	$^{205}\text{Po}_{84}$
	$^{207}\text{Po}_{84}$	$^{227}\text{Ra}_{88}$	$^{235}\text{U}_{92}$	$^{238}\text{U}_{92}$	$^{239}\text{U}_{92}$
	$\text{U}_{92}^{\text{nat}}$	$^{235}\text{Pu}_{94}$	$^{243}\text{Pu}_{94}$	$^{237}\text{Am}_{95}$	$^{239}\text{Am}_{95}$
	$^{245}\text{Am}_{95}$	$^{246\text{m}}\text{Am}_{95}$	$^{246}\text{Am}_{95}$	$^{249}\text{Cm}_{96}$	
2 (Keradiotoksidan sederhana)	Radionuklid dalam kategori ini adalah seperti berikut:				
	$^7\text{Be}_4$	$^{14}\text{C}_6$	$^{18}\text{F}_9$	$^{24}\text{Na}_{11}$	$^{31}\text{Si}_{14}$
	$^{32}\text{P}_{15}$	$^{33}\text{P}_{15}$	$^{35}\text{S}_{16}$	$^{38}\text{Cl}_{17}$	$^{41}\text{Ar}_{18}$
	$^{42}\text{K}_{19}$	$^{43}\text{K}_{19}$	$^{47}\text{Ca}_{20}$	$^{47}\text{Sc}_{21}$	$^{48}\text{Sc}_{21}$
	$^{48}\text{V}_{23}$	$^{51}\text{Cr}_{24}$	$^{52}\text{Mn}_{25}$	$^{54}\text{Mn}_{25}$	$^{52}\text{Fe}_{26}$
	$^{55}\text{Fe}_{26}$	$^{59}\text{Fe}_{26}$	$^{55}\text{Co}_{27}$	$^{56}\text{Co}_{27}$	$^{57}\text{Co}_{27}$
	$^{58}\text{Co}_{27}$	$^{63}\text{Ni}_{28}$	$^{65}\text{Ni}_{28}$	$^{64}\text{Cu}_{29}$	$^{65}\text{Zn}_{30}$
	$^{69\text{m}}\text{Zn}_{30}$	$^{72}\text{Ga}_{31}$	$^{73}\text{As}_{33}$	$^{74}\text{As}_{33}$	$^{76}\text{As}_{33}$
	$^{77}\text{As}_{33}$	$^{75}\text{Se}_{34}$	$^{82}\text{Br}_{35}$	$^{74}\text{Kr}_{36}$	$^{77}\text{Kr}_{36}$
	$^{87}\text{Kr}_{36}$	$^{88}\text{Kr}_{36}$	$^{86}\text{Rb}_{37}$	$^{83}\text{Sr}_{38}$	$^{85}\text{Sr}_{38}$
	$^{89}\text{Sr}_{38}$	$^{91}\text{Sr}_{38}$	$^{92}\text{Sr}_{38}$	$^{90}\text{Y}_{39}$	$^{92}\text{Y}_{39}$
	$^{93}\text{Y}_{39}$	$^{86}\text{Zr}_{40}$	$^{88}\text{Zr}_{40}$	$^{89}\text{Zr}_{40}$	$^{95}\text{Zr}_{40}$

Kategori A	Jenis Punca Tak Terkedap B				
$^{97}\text{Zr}_{40}$	$^{90}\text{Nb}_{41}$	$^{93\text{m}}\text{Nb}_{41}$	$^{95}\text{Nb}_{41}$	$^{95\text{m}}\text{Nb}_{41}$	
$^{96}\text{Nb}_{41}$	$^{90}\text{Mo}_{42}$	$^{93}\text{Mo}_{42}$	$^{99}\text{Mo}_{42}$		$^{96}\text{Tc}_{43}$
$^{97\text{m}}\text{Tc}_{43}$	$^{97}\text{Tc}_{43}$	$^{99}\text{Tc}_{43}$	$^{97}\text{Ru}_{44}$		$^{103}\text{Ru}_{44}$
$^{105}\text{Ru}_{44}$	$^{105}\text{Rh}_{45}$	$^{103}\text{Pd}_{46}$	$^{109}\text{Pd}_{46}$		$^{105}\text{Ag}_{47}$
$^{111}\text{Ag}_{47}$	$^{109}\text{Cd}_{48}$	$^{115}\text{Cd}_{48}$	$^{115\text{m}}\text{In}_{49}$		$^{113}\text{Sn}_{50}$
$^{125}\text{Sn}_{50}$	$^{122}\text{Sb}_{51}$	$^{121}\text{Te}_{52}$	$^{121\text{m}}\text{Te}_{52}$		$^{123\text{m}}\text{Te}_{52}$
$^{125\text{m}}\text{Te}_{52}$	$^{127\text{m}}\text{Te}_{52}$	$^{129\text{m}}\text{Te}_{52}$	$^{131}\text{Te}_{52}$		$^{131\text{m}}\text{Te}_{52}$
$^{132}\text{Te}_{52}$	$^{133\text{m}}\text{Te}_{52}$	$^{134}\text{Te}_{52}$	$^{120}\text{I}_{53}$		$^{123}\text{I}_{53}$
$^{130}\text{I}_{53}$	$^{132}\text{I}_{53}$	$^{132\text{m}}\text{I}_{53}$	$^{133}\text{I}_{53}$		$^{135}\text{I}_{53}$
$^{135}\text{Xe}_{54}$	$^{132}\text{Cs}_{55}$	$^{136}\text{Cs}_{55}$	$^{137}\text{Cs}_{55}$		$^{131}\text{Ba}_{56}$
$^{140}\text{La}_{57}$	$^{134}\text{Ce}_{58}$	$^{135}\text{Ce}_{58}$	$^{137\text{m}}\text{Ce}_{58}$		$^{139}\text{Ce}_{58}$
$^{141}\text{Ce}_{58}$	$^{143}\text{Ce}_{58}$	$^{142}\text{Pr}_{59}$	$^{143}\text{Pr}_{59}$		$^{147}\text{Nd}_{60}$
$^{149}\text{Nd}_{60}$	$^{147}\text{Pm}_{61}$	$^{149}\text{Pm}_{61}$	$^{151}\text{Sm}_{62}$		$^{153}\text{Sm}_{62}$
$^{152\text{m}}\text{Eu}_{63}^{(9\text{h})^*}$		$^{155}\text{Eu}_{63}$	$^{153}\text{Gd}_{64}$		$^{159}\text{Gd}_{64}$
$^{165}\text{Dy}_{66}$	$^{166}\text{Dy}_{66}$	$^{166}\text{Ho}_{67}$	$^{169}\text{Er}_{68}$		$^{171}\text{Er}_{68}$
$^{171}\text{Tm}_{69}$	$^{175}\text{Yb}_{70}$	$^{177}\text{Lu}_{71}$	$^{181}\text{W}_{74}$		$^{185}\text{W}_{74}$
$^{187}\text{W}_{74}$	$^{183}\text{Re}_{75}$	$^{186}\text{Re}_{75}$	$^{188}\text{Re}_{75}$		$^{185}\text{Os}_{76}$
$^{191}\text{Os}_{76}$	$^{193}\text{Os}_{76}$	$^{190}\text{Ir}_{77}$	$^{194}\text{Ir}_{77}$		$^{191}\text{Pt}_{78}$
$^{193}\text{Pt}_{78}$	$^{197}\text{Pt}_{78}$	$^{196}\text{Au}_{79}$	$^{198}\text{Au}_{79}$		$^{199}\text{Au}_{79}$
$^{197}\text{Hg}_{80}$	$^{197\text{m}}\text{Hg}_{80}$	$^{203}\text{Hg}_{80}$	$^{200}\text{Tl}_{81}$		$^{201}\text{Tl}_{81}$

* merujuk kepada separuh hayat radionuklid.

Kategori A	Jenis Punca Tak Terkedap B				
	$^{202}\text{Tl}_{81}$	$^{203}\text{Pb}_{82}$	$^{206}\text{Bi}_{83}$	$^{212}\text{Bi}_{83}$	$^{220}\text{Rn}_{86}$
	$^{222}\text{Rn}_{86}$	$^{226}\text{Th}_{90}$	$^{231}\text{Th}_{90}$	$^{234}\text{Th}_{90}$	$^{233}\text{Pa}_{91}$
	$^{231}\text{U}_{92}$	$^{237}\text{U}_{92}$	$^{240}\text{U}_{92}$	$^{240}\text{U}_{+92}$	$^{240}\text{Np}_{93}$
	$^{239}\text{Np}_{93}$	$^{234}\text{Pu}_{94}$	$^{237}\text{Pu}_{94}$	$^{245}\text{Pu}_{94}$	$^{238}\text{Am}_{95}$
	$^{240}\text{Am}_{95}$	$^{244\text{m}}\text{Am}_{95}$	$^{244}\text{Am}_{95}$	$^{238}\text{Cm}_{96}$	$^{250}\text{Bk}_{97}$
	$^{244}\text{Cf}_{98}$	$^{245}\text{Fm}_{100}$			
3 (Keradiotoksidan tinggi)	Radionuklid dalam kategori ini adalah seperti berikut:				
	$^{22}\text{Na}_{11}$	$^{36}\text{Cl}_{17}$	$^{45}\text{Ca}_{20}$	$^{46}\text{Sc}_{21}$	$^{60}\text{Co}_{27}$
	$^{90}\text{Sr}_{38}$	$^{91}\text{Y}_{39}$	$^{93}\text{Zr}_{40}$	$^{94}\text{Nb}_{41}$	$^{106}\text{Ru}_{44}$
	$^{110\text{m}}\text{Ag}_{47}$	$^{115\text{m}}\text{Cd}_{48}$	$^{114\text{m}}\text{In}_{49}$	$^{124}\text{Sb}_{51}$	$^{125}\text{Sb}_{51}$
	$^{124}\text{I}_{53}$	$^{125}\text{I}_{53}$	$^{126}\text{I}_{53}$	$^{131}\text{I}_{53}$	$^{134}\text{Cs}_{55}$
	$^{140}\text{Ba}_{56}$	$^{144}\text{Ce}_{58}$	$^{152}\text{Eu}(13\text{a})_{63}^*$		$^{154}\text{Eu}_{63}$
	$^{160}\text{Tb}_{65}$	$^{170}\text{Tm}_{69}$	$^{181}\text{Hf}_{72}$	$^{182}\text{Ta}_{73}$	$^{192}\text{Ir}_{77}$
	$^{204}\text{Tl}_{81}$	$^{212}\text{Pb}_{82}$	$^{207}\text{Bi}_{83}$	$^{210}\text{Bi}_{83}$	$^{211}\text{At}_{85}$
	$^{224}\text{Ra}_{88}$	$^{228}\text{Ac}_{89}$	$^{232}\text{Th}_{90}$	$\text{Th}_{90\text{nat}}$	
	$^{230}\text{Pa}_{91}$	$^{236}\text{U}_{92}$	$^{244}\text{Pu}_{94}$	$^{242}\text{Am}_{95}$	$^{241}\text{Cm}_{96}$
	$^{249}\text{Bk}_{97}$	$^{246}\text{Cf}_{98}$	$^{253}\text{Cf}_{98}$	$^{253}\text{Es}_{99}$	$^{254\text{m}}\text{Es}_{99}$
	$^{255}\text{Fm}_{100}$	$^{256}\text{Fm}_{100}$			

* merujuk kepada separuh hayat radionuklid

4 (Keradiotoksidan sangat tinggi)	Radionuklid dalam kategori ini adalah seperti berikut:				
	$^{210}\text{Pb}_{82}$	$^{210}\text{Po}_{84}$	$^{223}\text{Ra}_{88}$	$^{255}\text{Ra}_{88}$	$^{226}\text{Ra}_{88}$
	$^{228}\text{Ra}_{88}$	$^{227}\text{Ac}_{89}$	$^{227}\text{Th}_{90}$	$^{228}\text{Th}_{90}$	$^{229}\text{Th}_{90}$
	$^{230}\text{Th}_{90}$	$^{231}\text{Pa}_{91}$	$^{230}\text{U}_{92}$	$^{232}\text{U}_{92}$	$^{233}\text{U}_{92}$
	$^{234}\text{U}_{92}$	$^{237}\text{Np}_{93}$	$^{236}\text{Pu}_{94}$	$^{238}\text{Pu}_{94}$	$^{239}\text{Pu}_{94}$
	$^{240}\text{Pu}_{94}$	$^{241}\text{Pu}_{94}$	$^{242}\text{Pu}_{94}$	$^{241}\text{Am}_{95}$	$^{242\text{m}}\text{Am}_{95}$
	$^{243}\text{Am}_{95}$	$^{240}\text{Cm}_{96}$	$^{242}\text{Cm}_{96}$	$^{243}\text{Cm}_{96}$	$^{244}\text{Cm}_{96}$
	$^{245}\text{Cm}_{96}$	$^{246}\text{Cm}_{96}$	$^{247}\text{Cm}_{96}$	$^{248}\text{Cm}_{96}$	$^{248}\text{Cf}_{98}$
	$^{249}\text{Cf}_{98}$	$^{250}\text{Cf}_{98}$	$^{251}\text{Cf}_{98}$	$^{252}\text{Cf}_{98}$	$^{254}\text{Cf}_{98}$
	$^{254}\text{Es}_{99}$	$^{255}\text{Es}_{99}$			

JADUAL KETIGA
KATEGORI RADAS PENYINARAN
(Peraturan 6)

Kategori A	Jenis Radas Penyinaran B
1	Unit sinar-X pergigian, unit sinar-X perubatan tetap dan mudahalih, unit sinar-X veterinar mudahalih, tolok sinar-X, radas penyinaran lain yang tidak disenaraikan dalam Jadual ini.
2	Unit sinar-X radiografi industri, unit sinar-X analisa, unit sinar-X kiropraktik, unit sinar-X terapi yang tidak boleh dikendalikan melebihi 500 kilovolt puncak.
3	Unit tomografi berkomputer, pemecut, penjana neutron, unit sinar-X terapi yang boleh dikendalikan melebihi 500 kilovolt puncak.

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN SINARAN (PERLESENAN) 1986

BORANG UNTUK MENDAPATKAN, MEMINDA ATAU MEMBAHARUI LESEN

(Peraturan 13 dan 14)

BORANG LPTA/BP/1	BAHAN RADIOAKTIF
------------------	------------------

Borang permohonan ini hendaklah dipenuhi dalam dua salinan dan dikemukakan bersama-sama dengan fee permohonan sebanyak \$15.00 kepada:

Setiausaha Eksekutif,
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,
Tingkat 12 dan 13,
Plaza Pekeliling,
No. 2 Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

atau (untuk meminda atau membaharui lesen bagi maksud perubahan):

Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Cenderasari,
50480 Kuala Lumpur.

Catatan: Gunakan lampiran tambahan jika perlu

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

1a. PERMOHONAN UNTUK
(tanda yang berkenaan)

- Lesen baru.
 Meminda.
Nombor lesen
 Membaharui
Nombor lesen

2. TUJUAN AKTIVITI
(tanda yang berkenaan)

- mengilang
 memperdagangkan
 mengeluarkan
 memproses
 membeli
 mempunyai
 memindahkan
 mengendalik
 menjual
 menstor
 menggunakan
 lain-lain
(nyatakan)

1b. TEMPOH DIPOHON
(minimum 1 tahun, maksimum 3 tahun)

3a. NAMA PEMOHON

3b. ALAMAT SURAT MENYURAT PEMOHON

4. BUTIR-BUTIR ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI PERMOHONAN INI:

- (a) Nama (huruf besar)
- (b) Nombor Kad Pengenalan/pasport
- (c) Jawatan
- (d) Nombor telefon

5. ALAMAT TEMPAT BAHAN RADIOAKTIF AKAN DIGUNAKAN ATAU DISTOR ATAU DIPROSES

6. BUTIR-BUTIR ORANG YANG AKAN MENYELIA PENGGUNAAN BAHAN RADIOAKTIF

Nama A	Jawatan B	Tarikh lahir C	Nombor kad pengenalan/ pasport D

7. NAMA PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN

8. BUTIR-BUTIR PENGENDALI ATAU ORANG YANG MENGGUNAKAN BAHAN RADIOAKTIF

Nama A	Tarikh lahir B	Nombor kad pengenalan/ pasport C

9. PERIHAL DAN TUJUAN PENGGUNAAN BAHAN RADIOAKTIF YANG AKAN DILESEN

Unsur dan nombor jisim	Bentuk kimia dan/atau fizik	Nama pengilangan dan nombor model (jika ada)	Aktiviti		Tujuan penggunaan (gunakan kod yang diberikan di bawah)
			Punca terkedap (setiap punca) D	Punca terkedap E	
A	B	C			F

KOD BAGI KOLUM F

- | | |
|---------------------------------------|----------------------------|
| 1. Radiografi industri | 6. Diagnosis perubatan |
| 2. Tolok sinaran | 7. Pengelogan lubang gerek |
| 3. Penyelidikan | 8. Tentukuran |
| 4. Penyelidikan dengan subjek manusia | 9. Sel penyinaran |
| 5. Terapi perubatan | 10. Lain-lain (nyatakan) |

10. MAKLUMAT TAMBAHAN BERKENAAN DENGAN BAHAN RADIOAKTIF YANG DISENARAIKAN DALAM BUTIRAN 9

11. PENSTORAN PUNCA TERKEDAP (JIKA BERKENAAN)

Jenis dan/ atau alat untuk penstoran A	Pembekal (jika berkenaan) B	Nombor model (jika berkenaan) C

12. ALAT MENGUKUR ATAS MENGESAN SINARAN YANG DIMILIKI SEKARANG (JIKA ADA)

Jenis alat A	Pembekal B	Nombor model C	Bilangan yang ada D	Sinaran yang boleh dikesan E	Julat F

13. PENENTUKURAN ALAT YANG DISENARAIKAN DALAM BUTIR 12
(Tandakan yang berkenaan dan sertakan perakuan yang relevan)
 oleh pemohon

 Lain-lain (nyatakan nama dan
alamat agensi penentuan)

Sertakan ringkasan yang menerangkan kaedah dan kekerapan penentuan, tarikh penentuan terakhir dan standard yang digunakan untuk penentuan alat.

14. PENGAWASAN KAKITANGAN

